

16/03/2004

Calon BN berpengalaman, lawan penuh kontroversi

Fazallah Pit

KETIKA Barisan Nasional (BN) menampilkan calon berwibawa dan berpengalaman di Parlimen Kuala Selangor dan tiga Dewan Undangan Negeri (DUN), pembangkang pula membawa calon kontroversi.

Tindakan pembangkang itu dianggap sebagai ketandusan calon untuk dipertaruhkan dalam pilihan raya ini hingga terpaksa mengetengahkan calon kontroversi demi menagih undi.

Mungkin pembangkang berharap mereka melakukan kejutan berlandaskan latar belakang dan kisah sensasi calon mereka kerana menyedari Parlimen Kuala Selangor, DUN Bukit Melawati, Jeram dan DUN Ijok adalah kubu kuat BN.

Suasana berbeza berlaku di kem parti pemerintah kerana tiada keributan dalam proses pemilihan calon dan mereka dijangka mencapai kemenangan mudah dan bergaya.

Di pihak pembangkang, pencalonan Raja Kamaruddin Raja Abdul Wahid menentang calon BN, Daud Tarihep, di Parlimen Kuala Selangor, dilihat sebagai pertembungan calon berpengalaman dan calon sensasi.

Raja Kamaruddin yang juga dikenali sebagai Raja Komando, popular di kalangan penyokong pembangkang, terutama Keadilan, dan kerap mengambil bahagian dalam perhimpunan pembangkang.

Namanya mula tertera dalam media apabila menganjurkan perhimpunan reformasi secara haram dan bertambah sensasi apabila dikaitkan dengan konspirasi membunuh Perdana Menteri Datuk Seri (sekarang Tun) Dr Mahathir Mohamad yang disiarkan sebuah akhbar bahasa Inggeris.

Ia menuding ke arah Raja Komando sebagai dalangnya dan Timbalan Ketua Bahagian Keadilan Shah Alam itu memfailkan saman malu berjumlah RM9.5 juta terhadap akhbar itu.

Calon Pas bagi DUN Jeram, Kamal Ashaari juga tidak kalah kontroversinya dan nama beliau pernah menjadi sebutan seluruh rakyat Malaysia gara-gara cerita sensasinya yang disebarkan melalui kaset.

Kisah mayat bertukar menjadi khinzir yang dijaja bekas Imam Rawatib (muda) di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam itu menimbulkan kekecohan dan kegemparan di kalangan masyarakat Islam.

Dua calon itu dijangka sukar diterima rakyat kerana imej mereka bukan sebagai pembela rakyat tetapi menjurus kepada `mencipta' isu sensasi berbanding realiti, apatah lagi mereka bukan anak tempatan.

Berbeza dengan calon BN, semuanya berpengalaman, berkarisma dan penuh idea baru bagi membangunkan Kuala Selangor, sekalipun tidak popular seperti Raja Komando atau Kamal Ashaari.

Daud yang juga Ketua Penaja Umno Bahagian Kuala Selangor misalnya, mempunyai banyak pengalaman pentadbiran dan pernah menyandang pelbagai jawatan serta masak dengan sepak terajang politik.

Begitu juga calon BN DUN Bukit Melawati, Mohamed Sayuti Said yang juga penyandang kerusi Parlimen Kuala Selangor, malah calon BN Jeram, Amiruddin Setero, juga tidak kurang berkarisma.

Mereka dijangka tidak menghadapi masalah memenangi kerusi yang mereka tandingi, apatah lagi pelbagai pembangunan di daerah itu dilaksanakan dengan pesat dan harmoni.

Namun, keresahan tetap wujud. DUN Ijok yang diwakili calon BN, Datuk K Sivalingam, penyandang kerusi itu, dikatakan sedikit goyah dan sukar memperoleh majoriti besar.

Mujurlah lawannya tidak segagah mana. Abdul Rahman Moharam, sebenarnya adalah seorang ahli Pas tetapi bertanding atas tiket Keadilan dan dijangka

memberikan saingan.

Calon bebas, Mohamed Sharif Nagoorkani pula sekadar memenuhi tempat ataupun pemecah undi dan tidak dikenali masyarakat setempat, sekali gus menutup terus peluang memenangi hati pengundi.

Bagaimanapun, usaha berterusan masih dijalankan di DUN berkenaan bagi memancing untuk dan membetulkan kesilapan supaya BN terus kekal di kerusi berkenaan.

Malah, Daud sendiri turut membantu kempen BN DUN Ijok terutama menemui pengundi Melayu bagi memastikan mereka tidak terpedaya dengan janji manis parti pembangkang.